

**SISTEM SOKONGAN SOSIAL, FAKTOR  
TARIKAN DAN FAKTOR TOLAKAN DALAM  
PENGLIBATAN AKTIVITI SEKSUAL SEJENIS  
GOLONGAN LESBIAN DI MALAYSIA**

**NURUL JANNAH BINTI MOHD JUAINI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**



**SISTEM SOKONGAN SOSIAL, FAKTOR  
TARIKAN DAN FAKTOR TOLAKAN DALAM  
PENGLIBATAN AKTIVITI SEKSUAL SEJENIS  
GOLONGAN LESBIAN DI MALAYSIA**

**oleh**

**NURUL JANNAH BINTI MOHD JUAINI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2019**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T yang mengizinkan saya untuk melengkapkan kajian ini dengan jayanya. Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas buat Prof. Dr Azlinda Azman selaku Penyelia Akademik yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar, teguran dan bimbingan serta panduan dalam menyiapkan kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahaja dapat membalas jasa beliau dengan limpah kurniaNYA yang berterusan. Ucapan ini juga didedikasikan istimewa buat ayahanda yang dihormati, Encik Hussain Habsu dan bonda yang tercinta, Puan Suraya Harun serta adik-beradik yang dikasihi, Cik Nurul Asma Amira Hussain dan Cik Nurul Husna Izzatti Hussain. Mereka semua banyak memberikan sokongan kepada saya selama ini dan kerana mereka jugalah saya lebih bersemangat untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa mereka saya tidak mencapai kejayaan seperti hari ini. Penghargaan ini turut ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana telah menaja pengajian saya di bawah Program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih kepada semua responden yang terlibat di atas kesudian untuk berkongsi maklumat yang amat bernilai untuk kajian ini. Kerjasama yang diberikan amatlah saya hargai dan sesungguhnya ia merupakan pengalaman paling berharga bagi saya. Akhir sekali, terima kasih juga di atas bantuan dan sokongan kepada sahabat-sahabat saya khususnya, Dr. Farhana Kamarul Bahrin, Dr. Mohd Haizzan Yahaya, Puan Hawa Husna Ab Ghani dan Dr. Wan Mohd Adzim Wan Mohd Zain yang sentiasa mencurahkan idea dan berkongsi maklumat. Semoga jasa baik kalian semua mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T jua.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xvii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xix</b>
<b>BAB 1 - PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Pernyataan Masalah	5
1.3    Persoalan Kajian	12
1.4    Objektif Kajian	12
1.5    Kepentingan Kajian	14
1.6    Skop Kajian	18
1.7    Susunan Bab Kajian	20
<b>BAB 2 - KAJIAN LITERATUR</b>	<b>23</b>
2.1    Populasi Lesbian	23
2.2    Kajian Lepas Berkaitan Lesbian	26
2.2.1    Kajian di Barat	26
2.2.2    Kajian di Asia Tenggara	27
2.2.3    Kajian di Malaysia	36

2.3	Sejenis Sistem Sokongan Sosial Membentuk Faktor Tarikan dan Faktor Tolakan Penglibatan Lesbian dalam Aktiviti Seksual Sejenis	39
2.3.1	Keluarga	41
2.3.2	Pasangan	44
2.3.3	Rakan Lesbian	46
2.3.4	Komuniti Lesbian	47
2.4	Faktor Penglibatan Lesbian dalam Aktiviti Seksual	48
2.4.1	Faktor Tarikan	48
2.4.2	Faktor Tolakan	50
2.5	Cabaran Golongan Lesbian	52
2.5.1	HIV dan AIDS	52
2.5.2	Penyalahgunaan Dadah	54
2.5.3	Gaya Hidup Negatif	55
2.5.4	Kemurungan	55
2.5.5	Penganiayaan	56
2.6	Kerangka Teoritikal	58
2.6.1	Teori Pembentukan Identiti Seksual	58
2.6.2	Teori Sistem	62
2.6.3	Teori Pertukaran Sosial	67
2.7	Kerangka Konseptual	70
2.8	Definisi Operasional	79
2.8.1	Definsi Lesbian	79
2.8.2	Penglibatan Aktiviti Seks Sejenis	79
2.8.3	Sistem Sokongan Sosial	80
	2.8.3(a) Keluarga	81

2.8.3(b)	Pasangan	82
2.8.3(c)	Rakan Lesbian	82
2.8.3(d)	Komuniti Lesbian	83
2.8.4	Faktor Tarikan	83
2.8.5	Faktor Tolakan	84
2.9	Rumusan	84
<b>BAB 3 - METODOLOGI</b>		<b>85</b>
3.1	Reka Bentuk Kajian	85
3.2	Reka Bentuk Persampelan	86
3.2.1	Populasi	86
3.2.2	Sampel	87
3.2.3	Persampelan	88
3.2.3(a)	Teknik Persampelan Bola Salji Tradisional	89
3.2.3(b)	Teknik Persampelan Bola Salji Maya	89
3.2.4	Kriteria Pemilihan Sampel	91
3.3	Lokasi Kajian	91
3.4	Instrumen Kajian	92
3.4.1	Temubual Mendalam	92
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	94
3.6	Prosedur Menganalisis Data	96
3.6.1	Ujian <i>Nvivo</i>	96
3.7	Kajian Rintis	98
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	99
3.9	Etika Penyelidikan	100
3.10	Rumusan	102

<b>BAB 4 - HASIL KAJIAN</b>	<b>104</b>	
4.1	Pendahuluan	104
4.2	Sosio-Demografi Responden Kajian	104
4.2.1	Responden 1 (Zu)	104
4.2.2	Responden 2 (Nana)	105
4.2.3	Responden 3 (Nik)	106
4.2.4	Responden 4 (Azi)	107
4.2.5	Responden 5 (Ira)	108
4.2.6	Responden 6 (Shu)	109
4.2.7	Responden 7 (Mama)	110
4.2.8	Responden 8 (Putri)	111
4.2.9	Responden 9 (Mia)	112
4.2.10	Responden 10 (Mimi)	113
4.2.11	Responden 11 (Diba)	114
4.2.12	Responden 12 (Jue)	115
4.3	Objektif Kajian 1: Mengenalpasti Profil Golongan Lesbian Di Malaysia	116
4.3.1	Bangsa dan Agama	117
4.3.2	Umur	117
4.3.3	Negeri	119
4.3.4	Taraf Perkahwinan	120
4.3.5	Taraf Pendidikan	121
4.3.6	Pekerjaan	122
4.3.7	Tempoh Penglibatan Aktiviti Seksual Sejenis	123
4.3.8	Rumusan Hasil Kajian	124



4.4	Objektif 2: Menganalisis Sejauhmana Sistem Sokongan Sosial Mempengaruhi Faktor Tarikan dan Faktor Tolakan Terhadap Kehidupan Golongan Lesbian Di Malaysia	124
4.4.1	Pasangan	124
	4.4.1(a) Pasangan Heteroseksual	124
	4.4.1(b) Pasangan Lesbian	126
4.4.2	Rakan	128
	4.4.2(a) Rakan Heteroseksual	129
	4.4.2(b) Rakan Lesbian	129
4.4.3	Keluarga	131
4.4.4	Komuniti Lesbian	133
	4.4.4(a) <i>Facebook</i>	134
	4.4.4(b) Kumpulan <i>WhatsApp</i>	134
	4.4.4(c) Kelab Lesbian Persendirian	135
4.4.5	Rumusan Hasil Kajian	135
4.5	Objektif 3: Menganalisis Faktor Tarikan Yang Mendorong Golongan Lesbian Terlibat Dengan Aktiviti Seksual Sejenis	137
4.5.1	Sokongan Rakan Lesbian	137
4.5.2	Keserasian Dengan Pasangan Lesbian	139
4.5.3	Pengalaman Negatif Dengan Lelaki	141
4.5.4	Sokongan Rakan Heteroseksual	144
4.5.5	Sokongan Komuniti Lesbian	145
4.5.6	Kepuasan Hubungan Intim	146
4.5.7	Keinginan Mencuba	147
4.5.8	Konflik Keluarga	148
4.5.9	Penerimaan Baik Ahli Keluarga	150

4.5.10	Galakan Suami	150
4.5.11	Pengaruh Pornografi	151
4.5.12	Rumusan Hasil Kajian	152
4.6	Objektif 4: Menganalisis Faktor Tolakan Yang Menyebabkan Golongan Lesbian Untuk Tidak Lagi Terlibat Dengan Aktiviti Seksual Sejenis	153
4.6.1	Bimbang Penerimaan Keluarga	153
4.6.2	Perbandingan Identiti	154
4.6.3	Rumusan Hasil Kajian	155
4.7	Kesimpulan	156
<b>BAB 5 - PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>		<b>163</b>
5.1	Pendahuluan	163
5.2	Objektif Kajian 1: Perbincangan Mengenai Profil Golongan Lesbian Di Malaysia	163
5.3	Objektif Kajian 2: Perbincangan Mengenai Sejauhmana Sistem Sokongan Sosial Mempengaruhi Faktor Tarikan Dan Faktor Tolakan Terhadap Kehidupan Golongan Lesbian di Malaysia	167
5.3.1	Pasangan	168
5.3.2	Rakan	170
5.3.3	Keluarga	172
5.3.4	Komuniti Lesbian	174
5.4	Objektif Kajian 3: Perbincangan Mengenai Faktor Tarikan Yang Mendorong Golongan Lesbian Terlibat Dengan Aktiviti Seksual Sejenis	176
5.4.1	Sokongan Rakan Lesbian	176
5.4.2	Keserasian Dengan Pasangan Lesbian	179
5.4.3	Pengalaman Negatif Dengan Lelaki	181
5.4.4	Sokongan Rakan Heteroseksual	183

5.4.5	Sokongan Komuniti Lesbian	185
5.4.6	Kepuasan Hubungan Intim	187
5.4.7	Keinginan Mencuba	188
5.4.8	Konflik Keluarga	190
5.4.9	Penerimaan Baik Ahli Keluarga	192
5.4.10	Galakan Suami	193
5.4.11	Pengaruh Pornografi	194
5.5	Objektif Kajian 4: Perbincangan Mengenai Faktor Tolakan Yang Menyebabkan Golongan Lesbian Untuk Tidak Lagi Terlibat Dengan Aktiviti Seksual Sejenis	199
5.5.1	Bimbang Penerimaan Keluarga	199
5.5.2	Perbandingan Identiti	201
5.6	Objektif Kajian 5: Perbincangan Model Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Seksual Sejenis Golongan Lesbian Terhadap Sistem Sokongan Sosial, Faktor Tarikan Dan Faktor Tolakan Di Malaysia	203
5.6.1	Sistem Sokongan Sosial	204
	5.6.1(a) Pasangan	204
	5.6.1(b) Rakan	205
	5.6.1(c) Keluarga	206
	5.6.1(d) Komuniti Lesbian	208
5.6.2	Faktor Tarikan	209
	5.6.2(a) Sokongan Rakan Lesbian	209
	5.6.2(b) Keserasian Dengan Pasangan Lesbian	210
	5.6.2(c) Pengalaman Negatif Dengan Lelaki	210
	5.6.2(d) Sokongan Rakan Heteroseksual	211
	5.6.2(e) Sokongan Komuniti Lesbian	211

	5.6.2(f) Kepuasan Hubungan Intim	211
	5.6.2(g) Konflik Keluarga	212
	5.6.2(h) Penerimaan Baik Ahli Keluarga	212
	5.6.2(i) Galakan Suami	212
5.6.3	Faktor Tolakan	213
	5.6.3(a) Bimbang Penerimaan Keluarga	213
5.6.4	Penglibatan Aktiviti Seksual Sejenis	213
	5.6.4(a) Kekeliruan Identiti	214
	5.6.4(b) Perbandingan Identiti	214
	5.6.4(c) Toleransi Identiti	215
	5.6.4(d) Penerimaan Identiti	215
	5.6.4(e) Kebanggaan Identiti	216
	5.6.4(f) Integrasi Identiti	216
5.7	Implikasi Kajian	218
	5.7.1 Praktis Kerja Sosial	218
	5.7.2 Pendidikan Kerja Sosial	221
5.8	Cadangan Kajian	223
	5.8.1 Mikro	223
	5.8.1(a) Kemahiran Berdaya Tindak (Coping Skills)	223
	5.8.1(b) Program Pemulihan	225
	5.8.2 Mezzo	227
	5.8.2(a) Pemulihan Sistem Kekeluargaan	227
	5.8.3 Makro	229
	5.8.3(a) Pemulihan Maklumat	229
5.9	Pengalaman Pengkaji Mengurus Golongan Lesbian	235

5.10	Limitasi Kajian	237
5.11	Kajian Masa Hadapan	238
5.12	Kesimpulan	239
	<b>RUJUKAN</b>	<b>241</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

### Muka Surat

Jadual 1.1	Statistik Kewujudan Aplikasi-aplikasi di Media Sosial berkenaan dengan Lesbian di Malaysia sehingga Disember 2015 hingga Julai 2016	6
Jadual 4.1	Umur Responden	118
Jadual 4.2	Negeri Asal Responden	119
Jadual 4.3	Taraf Perkahwinan Responden	120
Jadual 4.4.	Taraf Pendidikan Responden	121
Jadual 4.5	Pekerjaan Responden	122
Jadual 4.6	Tempoh Penglibatan Aktiviti Seksual Sejenis Responden	123
Jadual 4.7	Pasangan Heteroseksual	125
Jadual 4.8	Pasangan Lesbian	127
Jadual 4.9	Rakan Heteroseksual	129
Jadual 4.10	Rakan Lesbian	130
Jadual 4.11	Keluarga	132
Jadual 4.12	<i>Facebook</i>	134
Jadual 4.13	Kumpulan <i>WhatsApp</i>	135
Jadual 4.14	Kelab Lesbian Persendirian	135
Jadual 4.15	Sokongan Rakan Lesbian	137
Jadual 4.16	Keserasian Dengan Pasangan Lesbian	139
Jadual 4.17	Pengalaman Negatif Dengan Lelaki	142
Jadual 4.18	Sokongan Rakan Heteroseksual	144
Jadual 4.19	Sokongan Komuniti Lesbian	145
Jadual 4.20	Kepuasan Hubungan Intim	147
Jadual 4.21	Keinginan Mencuba	147
Jadual 4.22	Konflik Keluarga	148
Jadual 4.23	Penerimaan Baik Ahli Keluarga	150
Jadual 4.24	Galakan Suami	151
Jadual 4.25	Pengaruh Pornografi	151
Jadual 4.26	Bimbang Penerimaan Keluarga	153

Jadual 4.27	Perbandingan Identiti	154
Jadual 4.28	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	160

## SENARAI RAJAH

		<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	78
Rajah 4.1	Sistem Sokongan Sosial	136
Rajah 4.2	Faktor Tarikan Penglibatan Aktiviti Seksual Sejenis	152
Rajah 4.3	Faktor Tolakan (Kemungkinan Menamatkan Penglibatan Dalam Aktiviti Seksual Sejenis).	155
Rajah 5.1	Model Intervensi Sistem Sokongan Sosial Golongan Lesbian	217



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Persetujuan Responden
Lampiran B	Panduan Temubual
Lampiran C	Analisis Ujian <i>Nvivo</i>

## SENARAI SINGKATAN

HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
STD	<i>Sexual Trauma Disease</i>
KRYSS	<i>Knowledge and Rights with Young people through Safer Spaces</i>
LGB	Lesbian, Gay & Biseksual
LGBT	Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender
LGBTQ	Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender & Queer
GLB	Gay, Lesbian & Biseksual
ERT	<i>The Equal Rights Trust</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
IDU	Penggunaan Dadah Suntikan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
GAP	<i>Gay Affirmative Practice</i>
PFLAG	<i>Parents, Families and Friend of Lesbians and Gay</i>
AI	<i>Ardhanary Institute</i>
iSEE	<i>Institute for Studies of Society, Economics and Environment</i>
RTF	<i>Rich Text Format</i>
KKMM	Kementerian Komunikasi & MultiMedia Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

**SISTEM SOKONGAN SOSIAL, FAKTOR TARIKAN DAN FAKTOR  
TOLAKAN DALAM PENGLIBATAN AKTIVITI SEKSUAL SEJENIS  
GOLONGAN LESBIAN DI MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Penglibatan wanita dalam aktiviti seksual sejenis merupakan isu yang sering didebatkan dalam masyarakat pada hari ini kerana ia jelas membatasi norma budaya, amalan keagamaan dan undang-undang di Malaysia. Justeru itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti profil golongan lesbian, menganalisis sejauhmana sistem sokongan sosial mempengaruhi faktor tarikan dan faktor tolakan terhadap kehidupan golongan lesbian, menganalisis faktor tarikan yang mendorong golongan lesbian terlibat dengan aktiviti seksual sejenis, menganalisis faktor tolakan yang menyebabkan golongan lesbian menamatkan aktiviti seksual sejenis dan membentuk model sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan dalam penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan melalui teknik persampelan bola salji, seramai 12 orang lesbian telah dicapai dari 10 buah negeri di Malaysia iaitu Johor, Kelantan, Terengganu, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Selangor dan Pahang. Kesemua responden kajian telah ditemu bual dan hasil kajian dianalisis dengan menggunakan *Nvivo for Mac* versi 12. Merujuk hasil kajian, enam jenis sumber sokongan sosial telah dikenalpasti mempunyai perkaitan dengan penglibatan responden dalam aktiviti seksual sejenis iaitu keluarga, pasangan lesbian, pasangan heteroseksual, rakan lesbian, rakan heteroseksual dan komuniti lesbian. Selain itu, kajian ini telah melaporkan 11 faktor tarikan yang memotivasikan responden untuk meneruskan aktiviti seksual sejenis dan berkait

dengan sumber tersebut iaitu sokongan rakan lesbian, keserasian dengan pasangan lesbian, pengalaman negatif dengan lelaki, sokongan rakan heteroseksual, sokongan komuniti lesbian, kepuasan hubungan intim, konflik keluarga, keinginan mencuba, galakan suami, penerimaan baik ahli keluarga dan pengaruh pornografi. Di samping itu, kajian ini juga mendapati dua faktor tolakan yakni wujud kemungkinan responden ingin menamatkan penglibatan dalam aktiviti seksual sejenis seperti bimbang dengan penerimaan keluarga dan perbandingan identiti. Di akhir kajian ini, pengkaji telah mencadangkan model hubungan antara penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian terhadap sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan di Malaysia. Pembentukan model ini adalah merujuk hasil kajian dan memberi gambaran pengaruh sumber sokongan sosial terhadap kelangsungan hidup responden sebagai lesbian.

**SOCIAL SUPPORT SYSTEM, PULL AND PUSH FACTORS IN  
SAME-SEXUAL ACTIVITY AMONG LESBIAN POPULATION  
IN MALAYSIA**

**ABSTRACT**

The involvement of women in same-sexual activity is an issue that is currently being debated more frequently in society due to its wrongfulness in terms of cultural norms, religious practice, and laws in Malaysia. Therefore, the objective of this research is to identify the general profile of lesbians, analyse how far a social support system can influence the pull and push factors on the life of a lesbian, analyse the pull factors that attract this group to become involved in same-sexual activity, analyse the push factors that cause this group to terminate same-sexual activity and finally create a model of social support system, pull and push factors in same-sexual activity among lesbian population in Malaysia. This research focused on the qualitative and using the snowball sampling technique, 12 lesbians were successfully contacted from 10 states in Malaysia including at Johor, Kelantan, Terengganu, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Selangor, and Pahang. All respondents of this research have been interviewed and the results of this research have been analysed by using Nvivo for Mac version 12. Based on the results, six types of social support sources have been identified which are relevant with the respondents' involvement in same-sexual activity, including family, lesbian partner, heterosexual partner, lesbian friends, heterosexual friends, and also the lesbian community itself. This research has revealed 11 pull factors that had motivated these respondents to continue with these activities, including the support of lesbian friends, compatibility with the lesbian partner, negative

experiences with men, support from heterosexual friends, support from the lesbian community, satisfaction in intimate relationship, family conflict, their desire to try, husband's encouragement, acceptance by the family, and the influence of pornography. In addition, this research has also found that there are two push factors, namely their own resolution to stop being involved in same-sexual activity due to their anxiety regarding their family's acceptance and the divergence of their identity. At the end of this research, the researcher has recommended a relationship model between same-sexual activity among lesbians with social support system, pull and push factors in Malaysia. The formation of this model was based on findings from this research and pictures on how a social support system can influence a respondent's survival as a lesbian.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Satu kerangka sosial menjelaskan bagaimana individu meluahkan perasaan atau emosi adalah bergantung pada persekitaran sosial individu tersebut membesar dan telah membenarkan perkongsian pengalaman identiti sosial serta menjadi mekanisme penting pembentukan orientasi seksual individu (Rivers, 1997). Menurut Aspinall (2009), orientasi seksual merangkumi tiga dimensi iaitu identiti, keinginan dan tingkah laku. Ketiga-tiga dimensi tersebut amat penting untuk memahami pembangunan identiti seksual dalam kalangan lesbian (Levy, 2009). Dalam hal ini, identiti merujuk pada pilihan seksual individu sama ada heteroseksual, homoseksual atau biseksual (Aspinall, 2009). Menurut Levy (2009), identiti juga merujuk bagaimana individu meletakkan diri dalam kategori seksual tertentu serta bagaimana individu jelas dengan keinginan diri dan pilihan seksual untuk diorientasikan. Dalam konteks ini, individu heteroseksual tertarik kepada kumpulan jantina berlawanan dan berbeza dengan homoseksual yang lebih tertarik kepada sesama jantina iaitu 'gay' merujuk kepada lelaki dan 'lesbian' pula wanita serta biseksual pula tarikan seksual kepada kedua-dua jantina (Levy, 2009). Seterusnya, keinginan seksual adalah mengenai individu yang tertarik dengan pilihan jantina sama ada lelaki atau perempuan, atau kedua-duanya. Merujuk Levy (2009), individu yang mempunyai keinginan seksual tertentu tidak semestinya bertingkah laku atas keinginan tersebut. Rentetan itu, tingkah laku mula jelas apabila individu dan pasangan melakukan aktiviti seksual sama ada seks normal, seks sejenis atau kedua-duanya (Feder & Brougher, 2013). Akan tetapi, dalam hubungan homoseksual tidak dijelaskan mengenai jenis aktiviti atau kekerapan hubungan seksual (Levy, 2009).

Selanjutnya, Gamache dan Lazear (2009) menjelaskan lesbian adalah seorang wanita yang secara fizikal, emosi dan mentalnya tertarik kepada wanita yang lain. Istilah homoseksual sering digunakan oleh umum untuk melabelkan individu yang mempunyai keinginan seks atau aktiviti seksual dengan individu sesama jantina (Hughes, 2006). Namun begitu, majoriti golongan homoseksual menyuarakan ketidakselesaan mereka terhadap gelaran 'homoseksual' memandangkan ia sering dikaitkan dengan penyakit berisiko seperti HIV/AIDS dan beberapa tingkah laku devian lain (Low, 2009). Bahkan, kajian Herek (1991) turut menggunakan istilah homoseksual bagi merujuk golongan lesbian dan gay, berbanding mengasingkan kedua-dua istilah golongan tersebut. Begitu juga, kajian Mohd Rozin, Azlina, Mohd Sofean dan Abd Latif (2012) menggunakan istilah 'homoseksual' untuk menjelaskan mengenai atlet-atlet gay dan lesbian di Malaysia. Selain itu, Howe (2001) lebih memilih istilah '*queer*' kerana ia merangkumi penerangan yang lebih lanjut mengenai gay, lesbian, biseksual, transgender atau individu yang mengamalkan *sadomasochism*. Malahan, Ybarra, Mitchell, Palmer dan Reisner (2014) berpendapat remaja LGBT melabelkan diri mereka sebagai *gender queer*, berbeza daripada identiti seksual lain dan lebih sesuai untuk kedua jantina iaitu lelaki dan perempuan serta berbeza dengan transgender.

Walau bagaimanapun, majoriti kajian di Malaysia telah menggunakan istilah 'lesbian' untuk merujuk golongan wanita yang menyukai sesama sejenis. Antara kajian tersebut adalah kajian daripada Ahmad et al. (2015), Md Yusof, Abdul Kadir, Ibrahim dan Tengku Puji (2014), Baba (2001), dan Rusdie Ali Faeidz (2011). Bahkan, Martin dan Meezan (2008) telah mengesyorkan penggunaan istilah yang khusus untuk golongan ini, iaitu 'lesbian'. Hal ini disebabkan oleh, penggunaan istilah yang berasingan iaitu 'gay dan lesbian' lebih baik berbanding istilah



‘homoseksual’ atau merujuk kedua-dua golongan (gay dan lesbian) sebagai ‘gay’ kerana boleh menyinggung perasaan sesetengah responden (Martin & Meezan, 2008). Kajian Bradford, Ryan dan Rothblum (1994) turut menjelaskan bahawa pengkaji perlu memastikan penggunaan bahasa yang menggambarkan terminologi lesbian, termasuklah terhadap kumpulan-kumpulan kecil lesbian walaupun di kawasan yang berbeza kerana setiap kawasan mempunyai penggunaan istilah atau bahasa yang berbeza dalam menggambarkan lesbian.

Selain daripada istilah lesbian, homoseksual dan *queer* yang digunakan untuk menggambarkan golongan wanita yang terlibat dengan aktiviti seksual sesama jenis, terdapat juga istilah *butch* yang merujuk kepada wanita yang berkelakuan mengikut cara yang hampir sama tetapi dengan imej maskulin (Cooter, 2014). Sesetengah daripada mereka menolak kewanitaan dan merasakan bahawa mereka adalah lelaki yang terperangkap dalam tubuh wanita, atau mempunyai jiwa lelaki di dalam tubuh wanita. Di Malaysia, *butch* dikenali juga sebagai pengkid iaitu merujuk pada istilah atau slanga yang digunakan di Malaysia untuk menerangkan tentang wanita yang mempunyai penampilan, perlakuan, dan orientasi seksual yang menyerupai lelaki normal (Rusdie Ali Faedz, 2011). Menurut Jerome (2013), pengkid dan tomboi acapkali digunakan untuk menjelaskan mengenai lesbian Melayu yang bersikap maskulin. Seterusnya, istilah lain yang digunakan untuk menggambarkan lesbian adalah *femme* dan kategori ini lebih memiliki ciri-ciri atau penampilan perempuan (Jerome, 2013). Wanita *femme* sering dilihat menyembunyikan identiti seksual mereka dengan cuba bergerak sebagai seorang yang normal atau heteroseksual dan menerima pendirian yang dominan iaitu kewanitaan (Eves, 2002). Kedua-dua istilah *butch* dan *femme* telah digunakan sekitar awal abad ke-20 sebagai satu identiti seksual dan emosi dalam kalangan lesbian (Theophano, 2004). Justeru itu, kajian ini

telah menggunakan istilah lesbian untuk mewakili responden yang terlibat dengan merujuk etika penyelidikan oleh Martin dan Meezan (2008), kajian sedia ada di Malaysia (Ahmad et al., 2015; Md Yusof et al., 2014; Baba, 2001; Rusdie Ali Faeidz, 2011) dan cadangan daripada Bradford et al. (1994).

Selain itu, penglibatan individu dalam dunia lesbian meliputi pelbagai peringkat umur. Merujuk *Knowledge and Rights with Young people through Safer Spaces* (KRYSS) pada tahun 2012, terdapat responden yang mengakui bahawa mereka mula menyedari tertarik kepada wanita sejak usia muda iaitu ketika berusia 5 atau 6 tahun dan mengakuinya semasa berusia 12 tahun (KRYSS, 2014). Bahkan, kajian Ahmad et al. (2015), turut mendapati permulaan hubungan seksual sejenis banyak bermula ketika di usia remaja. Hal ini mungkin disebabkan oleh, pada peringkat ini, mereka didorong oleh keperluan untuk mendapatkan kasih sayang dan perhatian daripada seseorang. Walau bagaimanapun, golongan lesbian banyak berhadapan dengan diskriminasi, tanggapan negatif, dan keganasan, sama ada oleh masyarakat setempat, institusi-institusi, bahkan dalam kalangan ahli keluarga sendiri. Sudah menjadi lumrah individu yang ingin membina identiti seksual baru akan dipengaruhi oleh masyarakat terutamanya mesej mengenai identiti tersebut (Levy, 2009). Pendapat ini turut disokong oleh Low (2009) yang berpendapat bahawa golongan lesbian telah dikecam secara meluas, diabaikan, dan didiskriminasikan dalam masyarakat, menyebabkan mereka tidak wujud, tersembunyi dan dipinggirkan, manakala amalan seksual dan identiti mereka pula disalahertikan sebagai devian dan tidak bermoral. Lantaran itu, ia secara langsung menyebabkan lesbian mengalami tekanan sehingga segelintir daripada mereka nekad untuk membunuh diri kerana tidak tahan dengan keadaan sekeliling yang banyak memberikan kesan negatif berbanding kesan-kesan positif. Kebanyakan lesbian menjelaskan bahawa

pengalaman pertama mereka selepas mendedahkan orientasi seksual yang dipegang menyebabkan mereka terpaksa bergelut dengan identiti seksual pada usia muda, diasak dengan perasaan akan dipulaukan, dipandang negatif dan sebagainya. Hal ini membuatkan mereka gigih berjuang atas keinginan seksual sejenis ini memandangkan ia jelas tidak diterima oleh norma masyarakat (Levy, 2009). Disebabkan lesbian dilabel sebagai orang yang menyimpang, mereka perlu membuat keputusan penting mengenai sejauh mana mereka mendedahkan orientasi seksual mereka kepada orang di sekeliling mereka (Burke, 2000).

## **1.2 Penyataan Masalah**

Di Malaysia secara normalnya komuniti Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) tidak mendedahkan diri mereka kepada orang awam (Md Yusof et al., 2014). Shield (2012) turut menjelaskan perkara yang sama dengan menyatakan bahawa statistik populasi golongan LGBT sukar diperolehi dan maklumat mengenai golongan ini juga adalah terhad. Bahkan, *The Equal Rights Trust* (ERT) (2012) yang menerangkan bahawa tiada statistik yang boleh dipercayai berkenaan dengan bilangan individu LGBT di Malaysia. Walaupun tiada statistik yang dapat membuktikan peningkatan populasi lesbian di Malaysia, tetapi media sosial pula telah membuktikan sebaliknya. Hal ini dapat dilihat daripada statistik yang diperolehi melalui data-data yang dikumpulkan melalui beberapa jenis media sosial terkenal di Malaysia seperti *facebook*, *twitter*, dan laman web. Malahan, pendapat ini turut disokong oleh Md Yusof et al. (2014) yang menjelaskan bahawa komuniti ini hanya boleh dikenalpasti melalui medium separa awam seperti *facebook*, *Youtube*, blog, dan badan-badan NGO yang sejajar dengan perjuangan LGBT. Di samping itu, kajian Mohd Juaini, Abd. Halim, Mohamed, Riza dan Chik (2017), juga menyenaraikan beberapa aplikasi di media sosial seperti laman web,

facebook dan twitter dan membentuk statistik jumlah dan peratusan penglibatan lesbian sebagai ahli, pengikut dan pengunjung sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1.1: Statistik Kewujudan Aplikasi-aplikasi di Media Sosial berkenaan dengan Lesbian di Malaysia sehingga Disember 2015 hingga Julai 2016

Jenis Aplikasi	Nama	Bilangan Ahli/ Pengikut/ Pengunjung (orang)					
		Disember 2015		Mac 2016		Julai 2016	
Laman Web	OneLoveNet.com	1,700	4.0	1,800	0.8	3,900	1.6
	Lesbian Dating Malaysia	40,861	96.0	49,922	23.5	57,202	23.8
	Malaysia Lesbian Personals	-	-	161,000	75.7	179,000	74.6
	<b>JUMLAH</b>	<b>42,561</b>	<b>100</b>	<b>212,722</b>	<b>100</b>	<b>240,102</b>	<b>100</b>
Page Facebook	Lesbian Malaysia	12,977	33.8	Ditutup		Ditutup	
	Malaysia Lesbian	8,506	22.1	13,470	47.3	14,107	29.2
	Malaysia Lesbian Club	7,207	18.7	7,350	25.8	7,629	15.8
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan	9,676	25.2	Ditutup		Ditutup	
	Persatuan Lesbian Malaysia Kebangsaan 2	-	-	2,276	8.0	2,318	4.8
	Lesbian Malaysia	88	0.2	1,491	5.2	Ditutup	
	Lesbian Satu Malaysia	-	-	84	0.3	226	0.5
	Malaysian Lesbian Love	-	-	1,057	3.7	Ditutup	
	Lesbian Club Malaysia	-	-	1,095	3.8	1172	2.4
	Whatsapp Lesbian Malaysia	-	-	1,470	5.2	1717	3.6
	Lesbian Malaysia	-	-	189	0.7	255	0.5
	Malaysian Indian	-	-	-	-	2,052	4.2
	Malaysia Queer Girl	-	-	-	-	1,094	2.3
	PLU Malaysia	-	-	-	-	1,401	2.9
	Lesbian SG Confessions	-	-	-	-	15,771	32.7
	Seksualiti Merdeka	-	-	-	-	555	1.1
	<b>JUMLAH</b>	<b>38,454</b>	<b>100</b>	<b>28,482</b>	<b>100</b>	<b>48,297</b>	<b>100</b>
Komuniti Facebook	Lesbian Malaysia	634	14.0	634	10.4	Ditutup	
	Lesbian Malaysia	2,972	65.5	3,225	53.1	5,500	65.7
	Lesbian Malaysia Official	759	16.8	1,366	22.6	1,600	19.1
	Lesbian Malaysia	16	0.4	16	0.3	103	1.2
	Malaysia Lesbian Club	68	1.5	75	1.2	77	0.9
	Persatuan Lelaki Lesbian & Perempuan Gay	82	1.8	82	1.4	81	1.0
	Pengkid & Lesbian Malaysia	-	-	670	11.0	963	11.5
	Club Lesbian Malaysia	-	-	-	-	50	0.6
<b>JUMLAH</b>	<b>4,531</b>	<b>100</b>	<b>6,068</b>	<b>100</b>	<b>8,374</b>	<b>100</b>	
Twitter	Lesbian Malaysia @lesbianmalaysia	187	43.2	194	2.3	199	2.2
	lesbianmalaysia @sexyhornylesbo	246	56.8	258	3.1	277	3.1
	A Real Bad Lesbian @MalaysiaSalene	-	-	41	0.5	43	0.5
	Zati Lesbian @ZatiLesbian	-	-	2,685	32.3	2,869	32.0
	lesbian terengganu @LesbianTganu	-	-	30	0.4	29	0.3
	nana eonni @nana_lesbian	-	-	5,107	61.4	5,540	61.9
	<b>JUMLAH</b>	<b>433</b>	<b>100</b>	<b>8,315</b>	<b>100</b>	<b>8,957</b>	<b>100</b>

Merujuk statistik pada Jadual 1.1, ianya jelas menunjukkan individu lesbian mula menonjolkan diri dalam komuniti lesbian di media sosial dan penyertaan dalam komuniti tersebut meningkat secara perlahan-lahan serta ianya tidak disedari oleh masyarakat umum. Tambahan pula, sehingga kini tiada statistik yang tepat untuk membuktikan peningkatan bilangan populasi lesbian di Malaysia dan pengkaji sekadar bergantung kepada statistik yang dapat dikumpul melalui tinjauan daripada media sosial tersebut. Menurut Cheah dan Singaravelu (2017), proses pendedahan tersebut dikenali sebagai *coming out* dalam kalangan LGBT yakni menunjukkan tahap penerimaan diri iaitu mengakui dan memberitahu orang lain akan keinginan seksual sejenis. Pereira (2014) turut menyatakan bahawa proses pendedahan diri merupakan sebahagian proses pembentukan identiti homoseksual. Dalam hal ini, Degges-White, Rice dan Myres (2000) telah menjelaskan pada peringkat keempat teori pembentukan identiti seksual iaitu penerimaan identiti yakni individu telah terlibat secara aktif dengan komuniti lesbian dan perasaan selesa memiliki identiti seksual ini semakin meningkat. Di Malaysia, individu gay dan lesbian mendedahkan orientasi seksual mereka dengan pelbagai cara iaitu sama ada secara langsung atau tidak langsung dan melihat reaksi masyarakat terlebih dahulu sebelum membuat keputusan sama ada untuk terus menyembunyikannya atau mendedahkannya (Cheah & Singaravelu, 2017). Pendedahan ini bukan sahaja berkait dengan pengiktirafan dan penerimaan diri, tetapi juga melihat bagaimana individu mengurus identiti tersebut dalam konteks Malaysia (Cheah & Singaravelu, 2017). Bahkan, Baba (2001) menjelaskan persekitaran sosial di Malaysia dilihat tidak memberikan peluang kepada populasi ini untuk mendedahkan identiti seksual mereka secara terbuka dan telah menyebabkan mereka hidup dalam pengasingan. Akibat rasa takut dipinggirkan oleh keluarga dan masyarakat, golongan lesbian lebih rela dan selesa

menyembunyikan identiti seksual mereka kerana telah dikecam secara meluas, diabaikan, dan didiskriminasikan serta amalan seksual dan identiti mereka jelas bercanggah dengan norma budaya masyarakat Malaysia (Low, 2009). Menurut Baba (2001), agama dan norma budaya menganggap seks antara sesama jantina adalah secara moralnya salah, dan undang-undang Malaysia pula mengharamkan amalan seks sejenis. Agama-agama lain di Malaysia seperti Kristian, Hindu dan Buddha juga tidak memperakui aktiviti seks sesama jenis (Baba, 2001; Mohd Rozin et al., 2012).

Selanjutnya, hidup terasing daripada masyarakat terutamanya keluarga bukanlah sesuatu yang mudah kerana mereka tidak lagi berada dalam sistem sokongan sosial yang baik kerana masyarakat melihat isu ini secara umum tanpa menyedari sumber sokongan dalam persekitaran sosial individu boleh mempengaruhi darjah keterlibatan individu dalam aktiviti seksual sejenis khususnya lesbian. Dalam konteks ini, Ahmad et al. (2015) telah menjelaskan bahawa pengalaman pahit dengan lelaki merupakan antara faktor tarikan penglibatan individu dalam aktiviti seksual sejenis. Tambahnya lagi, pengalaman ini juga akan mewujudkan tanggapan yang negatif terhadap lelaki, sekaligus menarik golongan wanita untuk menukar orientasi seksual mereka kepada lesbian. Merujuk Peplau & Amaro (1982), hubungan seks sejenis lebih memuaskan kerana komited dan kasih sayang antara pasangan lesbian. Rentetan itu, situasi ini telah memotivasikan individu untuk meneruskan hubungan seksual sejenis kerana pasangan lesbian lebih memahami keperluan mereka dan lebih kesefahaman (Md Yusof et al., 2014). Apatah lagi sikap dan latar belakang yang sama meneguhkan keyakinan dalam membentuk hubungan yang berjaya (Peplau & Amaro, 1982). Hal ini menjadi pengukuh atau ganjaran emosi kerana kegagalan hubungan heteroseksual dan lingkungan sosial yang permisif memotivasikan penglibatan dalam seks sejenis (McCabe, Brewster, & Tillman, 2011).

Selain itu, faktor keruntuhan institusi keluarga kerana konflik berterusan antara ibu bapa dan peranan keibubapaan yang kurang efektif menyebabkan berlaku hubungan yang rapuh dan anak-anak pula terabai terutama dari segi keperluan kasih sayang dan perhatian (Ahmad et al., 2015). Kekangan perhatian daripada ibu bapa menyebabkan anak-anak memperolehi keperluan tersebut daripada sumber lain dan mempunyai perkaitan penglibatan individu dalam aktiviti seksual sejenis (Ahmad et al., 2015). Walaupun aktiviti ini membatasi norma masyarakat, tetapi ia tidak menghalang mereka untuk bergerak secara aktif kerana mendapat sokongan komuniti berkaitan untuk menuntut hak mereka seadilnya (Ahmad et al., 2015). Hal ini jelas dalam kalangan individu yang baru mencuba untuk mengetahui perihal hubungan seks sejenis lebih aktif menggunakan komunikasi atas talian sebagai medium utama untuk mereka berkongsi apa sahaja dengan bebas tanpa diskriminasi (Sells, 2013). Menurut Md Yusof et al. (2014), komuniti lesbian aktif di media sosial seperti *facebook*, *youtube* dan blog serta peningkatan penyertaan aktif dalam komuniti tersebut juga telah dijelaskan oleh Mohd Juaini et al. (2017) dalam jadual 1.1. Dalam hal ini, individu lesbian lebih merasai tahap penerimaan yang tinggi apabila berada dalam komuniti tersebut dan membentuk keupayaan untuk berhadapan dengan situasi diskriminasi dan penyisihan sosial sama ada daripada keluarga, rakan ataupun masyarakat (Sells, 2013). Namun begitu, terdapat juga faktor tolakan yang mempengaruhi golongan lesbian untuk meninggalkan dunia lesbian mereka seperti pengalaman dengan hubungan lepas yang sangat mendalam terhadap lelaki dan perasaan bersalah dengan hubungan sesama jenis juga antara faktor tolakan yang berupaya mendorong wanita untuk meninggalkan dunia lesbian. Loewenstein (1985), mendapati bahawa perasaan bersalah dan rasa dieksploitasi oleh wanita lain telah mendorong individu wanita untuk tidak lagi terlibat dengan aktiviti lesbian yang

pernah dilakukannya. Malahan, Peplau dan Amaro (1982) juga menjelaskan bahawa akibat kurang mendapat sokongan sosial daripada keluarga terutamanya menyebabkan lesbian tidak bermotivasi untuk menyelamatkan hubungan yang kian merosot.

Walau bagaimanapun, individu yang memilih untuk menjalani kehidupan sebagai lesbian tidak akan lari dari pengalaman tingkah laku berisiko yang menjejaskan kefungsi sosial mereka (Ahmad et al., 2015). Misalnya, kajian oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* (2014), menjelaskan bahawa seramai 7% pelajar yang menjadi responden bagi kajian mereka telah melaporkan bahawa mereka pernah cuba untuk membunuh diri akibat tidak tahan menjadi mangsa buli kerana orientasi seksual mereka yang berbeza. Menurut Kertzner, Meyer, Frost dan Stiratt (2009) dalam satu kajian di New York yang melibatkan 396 orang LGB (Lesbian, Gay, dan Biseksual) dewasa, ia menunjukkan bahawa golongan wanita dilaporkan lebih mengalami gejala kemurungan berbanding lelaki dan simptom-simptom kemurungan dalam kalangan lesbian lebih tinggi berbanding gay. Johns, Zimmerman dan Bauermeister (2013) dalam kajiannya pula melaporkan bahawa remaja lesbian dilaporkan mempunyai simptom-simptom kemurungan dan tahap tekanan yang tinggi kerana konflik di antara identiti atau tingkah laku dengan tarikan seksual mereka.

Seterusnya, golongan homoseksual sering dikaitkan dengan penyakit berisiko seperti HIV/AIDS dan tingkah laku devian (Low, 2009). Pendapat tersebut dapat dibuktikan melalui kenyataan daripada *Women's Institute* (2009) yang menjelaskan bahawa terdapat beberapa kes yakni wanita yang melakukan seks dengan wanita yang lain telah dijangkiti oleh HIV dan ia mungkin boleh terjadi apabila pasangan tersebut adalah biseksual yang telah dijangkiti HIV. Bahkan, Matebani, Reddy,



Sandfort dan Southey-Swartz (2013) turut mendapati bahawa lesbian bukanlah satu kumpulan yang tidak berisiko untuk dijangkiti HIV. Di samping itu, golongan lesbian yang juga merupakan pengguna suntikan dadah (IDU) mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk dijangkiti HIV berbanding wanita heteroseksual yang IDU (*Women's Institute*, 2009). Dalam konteks ini, Weiss (2006) juga menyatakan statistik rasmi menunjukkan penyebab utama jangkitan HIV di Malaysia adalah penggunaan dadah yang tidak terkawal dan individu homoseksual atau biseksual mencatatkan peratusan yang sangat kecil iaitu 1.3%. Isu golongan lesbian di Malaysia yang dikaitkan dengan HIV/AIDS turut dipersetujui oleh Md. Zain dan Chew Abdullah (2015) yang menerangkan bahawa isu hubungan seks bebas sama ada biseksual, homoseksual atau heteroseksual menjadikan HIV / AIDS meningkat dari semasa ke semasa. Tambahan pula, Matebani et al. (2013) menjelaskan bahawa layanan pusat kesihatan terhadap lesbian telah mengundang rasa tidak selesa terhadap populasi ini dan mereka merasakan maklumat orientasi seksual mereka akan terdedah. Lantaran itu, ia boleh menjadi penyebab golongan lesbian tidak mendapatkan perkhidmatan perubatan sewajarnya, sekaligus meletakkan mereka pada risiko penyakit-penyakit yang serius seperti HIV dan AIDS. Justeru itu, tidak dapat dinafikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan lesbian akan menjejaskan kefungsi sosial mereka. Agak sukar bagi golongan ini untuk menyembunyikan identiti seksual dari pengetahuan umum. Mereka juga ingin merasakan diterima dan hidup secara normal tetapi bagi mendapatkan tuntutan hak kesamarataan seksual sejenis di negara ini adalah sangat tipis.

Oleh itu, kajian ini penting untuk pengkaji melihat aspek sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan terhadap penglibatan aktiviti seksual sejenis dalam kalangan lesbian khususnya di Malaysia. Pengkaji turut mengulas faktor

tarikan yang mempengaruhi pembentukan identiti lesbian iaitu aspek yang memotivasikan mereka untuk meneruskan kehidupan sebagai lesbian walaupun mereka sedar ia membatasi norma budaya masyarakat. Bahkan, pengkaji telah mengenal pasti hasrat golongan ini untuk kembali menjalani kehidupan seperti individu lain walaupun tidak menyatakan tempoh yang tepat untuk menamatkan penglibatan mereka dalam aktiviti seksual sejenis.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dibincangkan, maka persoalan kajian berikut dibentuk:

1. Siapakah golongan lesbian?
2. Bagaimanakah sistem sokongan sosial mempengaruhi faktor tarikan dan faktor tolakan terhadap kehidupan golongan lesbian di Malaysia?
3. Apakah faktor tarikan yang mendorong golongan lesbian untuk kekal terlibat dengan aktiviti seksual sejenis?
4. Apakah faktor tolakan yang menyebabkan golongan lesbian untuk tidak lagi terlibat dengan aktiviti seksual sejenis?
5. Apakah bentuk model penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian terhadap sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan di Malaysia?

### **1.4 Objektif Kajian**

Isu lesbian bukanlah suatu perkara yang baru didebatkan dalam masyarakat pada hari ini. Apa yang lebih membimbangkan, jumlah populasi ini terus meningkat dari semasa ke semasa tanpa disedari. Malahan di Malaysia, statistik dan maklumat yang tepat mengenai populasi ini terhad kerana persekitaran sosial tidak membenarkan mereka menonjolkan identiti lesbian. Mereka lebih aktif di media

sosial seperti *facebook*, blog dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan sokongan sosial. Ekoran tekanan homofobia, mereka bukan sahaja menghadapi penyisihan sosial, tetapi juga meningkatkan tingkah laku berisiko seperti kemurungan, penyalahgunaan dadah, jangkitan HIV/AIDS, ketagihan alkohol dan penganiayaan. Rentetan itu, isu ini penting untuk dikaji agar masyarakat tidak melihat isu ini secara umum tetapi sedar akan tanggungjawab bersama untuk menanganinya, lebih-lebih lagi mewujudkan sistem sokongan sosial yang positif bagi meningkatkan kefungsiian sosial golongan lesbian dan pemasukan sosial yang efektif. Selain itu, pengkaji juga telah melihat pengaruh sumber sistem sokongan sosial iaitu keluarga, pasangan, rakan dan komuniti lesbian terhadap penglibatan responden dalam aktiviti seksual sejenis. Hubungan kedua-dua pembolehubah tersebut telah membentuk faktor tarikan dan faktor tolakan sebagai pengantara dengan lebih jelas khususnya mempengaruhi darjah keterlibatan responden dalam aktiviti seksual tersebut. Oleh itu, objektif kajian berikut dibentuk berdasarkan permasalahan kajian:

1. Mengenal pasti profil golongan lesbian di Malaysia.
2. Menganalisis sejauh mana sistem sokongan sosial mempengaruhi faktor tarikan dan faktor tolakan terhadap kehidupan golongan lesbian di Malaysia.
3. Menganalisis faktor tarikan yang mendorong golongan lesbian terlibat dengan aktiviti seksual sejenis.
4. Menganalisis faktor tolakan yang menyebabkan golongan lesbian untuk tidak lagi terlibat dengan aktiviti seksual sejenis.

5. Membentuk model sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan dalam penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian di Malaysia.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Umumnya, isu lesbian sudah diketahui oleh masyarakat tetapi peningkatan populasi ini sukar digambarkan kerana tiada statistik sebagai rujukan yang menjelaskan betapa seriusnya isu tersebut. Sepintas lalu, kajian ini telah mendedahkan peningkatan drastik jumlah golongan lesbian yang aktif menggunakan media sosial seperti yang dijelaskan dalam jadual 1.1 (Mohd Juaini et al., 2017) dan menjadi ruangan bebas untuk golongan lesbian berkomunikasi sesama mereka kerana persekitaran sosial di Malaysia tidak membenarkan pendedahan secara terbuka identiti lesbian. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak boleh dipandang remeh kerana akibat penyisihan sosial terhadap golongan tersebut akan meningkatkan tingkah laku berisiko termasuklah kemurungan, ketagihan alkohol, penyalahgunaan dadah, jangkitan HIV/AIDS dan penganiayaan. Akibatnya, kefungsiian sosial individu akan merosot khususnya tenaga produktif seperti belia dan juga meningkatkan risiko sosial di negara ini. Lantaran itu, persekitaran sosial yang positif kepada individu dalam menghadapi fasa pembentukan identiti seksual sejenis adalah amat penting dan ianya tidak akan berkesan tanpa sumber sokongan sosial betul. Sumber sokongan sosial yang efektif bukan sahaja perlu diwujudkan pada awal pembentukan identiti tetapi juga penting semasa individu menjalani kehidupan sebagai lesbian serta juga sokongan dan membuka peluang pada keinginan mereka untuk kembali menjalani hidup seperti individu lain.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam mengidentifikasi pengaruh sistem sokongan sosial terhadap pembentukan identiti seksual dan kelangsungan hidup

lesbian di Malaysia. Kajian-kajian yang pernah dijalankan menunjukkan bahawa golongan lesbian banyak mengalami penolakan berbanding penerimaan oleh sistem sokongan sosial di persekitaran mereka. Malahan, golongan ini juga berhadapan dengan isu-isu diskriminasi dan dijadikan mangsa penganiayaan oleh segelintir masyarakat. Persekitaran sosial yang positif dalam masyarakat penting untuk mengalakkan pemasukan sosial yang efektif terhadap golongan lesbian. Malahan, kajian ini juga signifikan untuk mendedahkan masyarakat kepada faktor-faktor yang mendorong wanita untuk terlibat dengan aktiviti seksual sejenis. Hal ini disebabkan oleh masyarakat kebiasaannya melihat aktiviti seksual sejenis hanya secara umum, tanpa mengetahui bahawa diskriminasi dan stigma oleh masyarakat homofobia boleh mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal golongan lesbian. Tambahan pula, berdasarkan kajian-kajian lepas seperti yang dijalankan oleh Spitzer (2003), Md Yusof et al. (2014), dan Ahmad et al. (2015) terdapat segelintir lesbian yang mempunyai hasrat untuk berubah tetapi stigma daripada masyarakat boleh mempengaruhi untuk menolak keinginan tersebut.

Di samping itu, pada masa kini pendidikan seksualiti manusia jarang diajar sama ada di sekolah menengah mahupun di universiti-universiti di Malaysia kerana ia akan menempelak masyarakat yang terikat dalam aktiviti seksual sebelum berkahwin (Baba, 2001). Menurut Crabtree dan Baba (2001), agama kekal sebagai benteng yang menghalang pencerahan tentang isu homoseksual dilaksanakan. Akan tetapi, dari sudut pendidikan, kajian ini adalah penting terutamanya dalam mendidik individu khususnya golongan lesbian tentang pembangunan identiti seksual, lebih-lebih lagi pada fasa kekeliruan mereka memerlukan sumber maklumat sebagai panduan untuk memahami keinginan seksual sejenis tersebut. Menurut Baba (2001), pendidikan yang efektif akan menjadi alat untuk golongan ini bersikap lebih rasional

dalam menyelesaikan dan memikirkan baik dan buruk menjadi seorang homoseksual. Tambahan pula, pengaruh media dan kehidupan di bandar juga akan menjadi faktor sosial yang akan menyumbang kepada keinginan mereka untuk keluar dan mendedahkan identiti seksual (homoseksual) (Baba, 2001). Malahan, pendidikan mengenai golongan lesbian juga penting untuk pekerja-pekerja sosial. Dalam hal ini, apabila pendidikan kerja sosial didedahkan kepada pekerja sosial, potensi untuk mereka mempunyai perasaan belas kasihan dan bersikap lebih terbuka dalam memberikan maklumat-maklumat tepat mengenai lesbian akan dapat diwujudkan (Crabtree & Baba, 2001). Bagi mengurangkan homofobia pula, subjek mengenai lesbian perlulah diperkenalkan dalam kurikulum kerja sosial untuk memudahkan pendidikan tentang seksualiti manusia termasuklah cara hidup golongan homoseksual diajar kepada para pekerja (Crabtree & Baba, 2001). Oleh itu, keperluan untuk melatih pekerja-pekerja sosial dalam memahami kerumitan seksualiti manusia dengan cara yang profesional dan menjiwai pekerjaan mereka adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan (Crabtree & Baba, 2001).

Selanjutnya, kepentingan kajian ini terhadap praktis kerja sosial antaranya adalah membina satu garis panduan khusus untuk menguruskan klien, khususnya golongan lesbian dalam konteks Malaysia. Dalam hal ini, Crisp (2006) yang telah menjalankan satu kajian berkenaan Model *Gay Affirmative Practice* (GAP) iaitu satu garis panduan dari segi kepercayaan dan tingkah laku dalam latihan kerja sosial bersama golongan homoseksual. Kajian tersebut turut mengkaji sejauhmana pengamal kerja sosial terikat dengan peraturan yang telah ditentukan oleh GAP. Bahkan, panduan tersebut signifikan untuk menangani diskriminasi yang boleh menjejaskan ketulusan bekerja dalam kalangan pekerja sosial. Menurut Mullins (2012), sikap kurang menerima klien seperti golongan lesbian masih lagi wujud

dalam kelompok kerja sosial. Bergh dan Crisp (2004) turut menegaskan bahawa sikap tersebut akan mempengaruhi proses interaksi pekerja sosial dengan klien tersebut. Dalam hal ini sikap tersebut berkait dengan kepercayaan agama dan membuatkan pekerja sosial lebih tegas terhadap klien tersebut (Bergh & Crisp, 2004). Sekiranya, pekerja sosial merasakan kepercayaan mereka mengganggu proses intervensi bersama klien, maka mereka tidak perlu meneruskan proses tersebut sehingga mereka benar-benar bersedia untuk bekerja dengan klien tersebut (Bergh & Crisp, 2004). Justeru, pekerja sosial perlu mengatasi kepercayaan tersebut dengan berfokus pada pengetahuan dan pemahaman tentang golongan lesbian (Bergh & Crisp, 2004). Dari aspek pengetahuan dan pemahaman, pekerja sosial perlu mengambil tahu pembangunan identiti lesbian seperti dapat membezakan di antara keinginan seksual, tingkah laku seksual dan identiti seksual serta jelas akan persepsi masyarakat kini terhadap golongan ini (Levy, 2009). Lantaran itu, ia dapat membantu dalam membina keyakinan golongan lesbian terhadap perkhidmatan kerja sosial. Menurut Bayliss (2000), para pekerja sosial dalam kajiannya telah bersetuju untuk menilai keperluan klien dengan jujur dan menyetepikan sikap tidak terbuka terhadap kehidupan klien seperti identiti seksual mereka yang perlu dirahsiakan. Pendekatan anti-diskriminasi dalam pendidikan dan latihan kerja sosial juga dapat membantu untuk mencari kesan-kesan proses sosial yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan dan sekaligus memberikan kuasa kepada pekerja sosial untuk mencabar pandangan mereka dalam kerja sosial dan latar disiplin secara umum (Bayliss, 2000). Berdasarkan nilai kerja sosial yang unik, kita harus memahami sepenuhnya kepelbagaian sosial dan penindasan kerana ia berkaitan dengan orientasi seksual.

Tambahan lagi, pekerja sosial lebih peka dengan istilah yang betul untuk digunapakai ke atas klien tersebut kerana menjaga sensitiviti klien (Bergh & Crisp, 2004). Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunapakai untuk menggambarkan golongan lesbian, pekerja sosial harus tahu istilah pilihan klien dan ia berbeza mengikut usia dan pengalaman budaya mereka (Bergh & Crisp, 2004). Kebanyakan kajian di Malaysia memilih istilah 'lesbian' untuk merujuk pada wanita yang mempunyai keinginan seksual, tingkah laku seksual dan juga identiti seksual sejenis. Martin dan Meezan (2008) juga mengesyorkan istilah khusus golongan tersebut adalah 'lesbian' kerana menghormati keselesaan responden kajian. Begitu juga pendapat Bradford et al. (1994), penggunaan istilah adalah berbeza mengikut kawasan kajian dan perlu menyelidik istilah yang tepat golongan tersebut di kawasan berkenaan. Seterusnya, pekerja sosial juga sedar akan peratusan golongan ini dan latar belakang mereka juga berbeza dari segi etnik, umur, agama, pendapatan, keupayaan, keluarga dan politik (Levy, 2009).

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan pada hubungan antara penglibatan seksual sejenis golongan lesbian terhadap sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan di Malaysia. Golongan lesbian yang dimaksudkan adalah wanita yang mempunyai keinginan seksual sejenis, bertingkah laku seksual sejenis dan juga identiti seksual sejenis. Responden kajian juga terdiri wanita yang berumur 19 tahun ke atas iaitu remaja, dewasa dan warga tua. Menurut Ahmad et al. (2015), telah menyatakan bahawa terdapat wanita terlibat dengan aktiviti seksual sejenis semenjak zaman remaja lagi. Hasil kajian Mufioz-Plaza, Quinn dan Rounds (2002) juga menunjukkan secara spesifik tempoh responden menyedari orientasi seksual mereka telah berbeza iaitu semasa remaja dan awal dewasa. McCabe et al. (2011) berpendapat bahawa



tempoh keremajaan adalah saat remaja berusaha menentukan pilihan identiti seksual mereka dan pilihan identiti tersebut berterusan sehingga dewasa. Merujuk Dasar Belia Malaysia pula, takrifan umur belia di Malaysia adalah individu yang berumur 15 tahun hingga 30 tahun (Kementerian Belia & Sukan, 2015). Dasar ini juga telah menetapkan lapan kumpulan sasaran untuk memudahkan proses pembangunan belia secara holistik dan salah satu kumpulan tersebut adalah belia berisiko. Justeru, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan belia, dasar tersebut membentuk tiga peringkat umur belia seperti berikut;

- i. Belia awal (15 tahun hingga 18 tahun) iaitu masih di alam persekolahan.
- ii. Belia pertengahan (19 tahun hingga 24 tahun) telah bekerja atau masih di pusat pengajian tinggi.
- iii. Belia akhir (25 tahun hingga 30 tahun) iaitu majoritinya telah bekerja.

Memandangkan responden mempunyai privasi yang tinggi dan sukar mendedahkan maklumat peribadi kepada umum (Md Yusof et al., 2014; Shield, 2012), maka kajian ini menetapkan kategori umur responden adalah wanita yang berumur 19 tahun ke atas. Dalam hal ini, pengkaji amat menitikberatkan sensitiviti terhadap remaja awal yang masih di alam persekolahan dan di bawah pantauan keluarga khususnya ibu bapa. Malahan, pengkaji juga perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa terlebih dahulu untuk melibatkan anak mereka dalam kajian ini dan ia pasti menyukarkan responden untuk terlibat kerana risiko pendedahan identiti seksual kepada keluarga. Tambahan pula, Mufioz-Plaza et al. (2002), menerangkan bahawa kebanyakan individu kurang menerima sokongan emosi dan bimbingan maklumat berkaitan aktiviti seksual sejenis daripada ibu bapa dan ahli keluarga lain semenjak persekolahan lagi. Bahkan, individu berhadapan pengasingan, persekitaran yang negatif di rumah dan mengalami tekanan akibat reaksi keluarga. Rentetan itu,

dengan merujuk Kementerian Belia dan Sukan (2015), Ahmad et al. (2015), Mufioz-Plaza et al. (2002), McCabe et al. (2011), Md Yusof et al. (2014) dan Shield (2012), pengkaji telah menetapkan umur responden bagi kajian ini adalah wanita yang berumur 19 tahun hingga 30 tahun (remaja), 30 tahun hingga 59 tahun (dewasa) dan 60 tahun ke atas (warga emas).

Selanjutnya, lokasi kajian adalah seluruh Malaysia berikutan tiada statistik tepat yang menyatakan secara spesifik kawasan tumpuan golongan lesbian. Hal ini juga dijelaskan oleh Shield (2012), statistik populasi seksual minoriti termasuk lesbian sukar diperolehi dan *The Equal Rights Trust* (ERT) (2012) juga mengesahkan tiada statistik yang sahih untuk membuktikan bilangan populasi tersebut. Di samping itu, kajian ini menganalisis hubungan sistem sokongan sosial terhadap penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian. Sumber sokongan sosial adalah terdiri daripada sokongan tidak formal (keluarga, pasangan dan rakan) dan sokongan separa formal (komuniti lesbian). Dalam hal ini, sumber-sumber tersebut telah ditetapkan dengan merujuk kajian lepas yakni jelas mempengaruhi penglibatan individu dalam aktiviti seksual sejenis. Justeru, kajian ini juga telah mengenal pasti faktor tarikan dan faktor tolakan yang menjadi pengantara hubungan sistem sokongan sosial dengan penglibatan dalam aktiviti seksual sejenis. Oleh itu, faktor tarikan meliputi sokongan rakan lesbian, keserasian dengan pasangan lesbian, pengalaman negatif dengan lelaki, sokongan rakan heteroseksual, sokongan komuniti lesbian, kepuasan hubungan intim, keinginan mencuba, konflik keluarga, penerimaan baik ahli keluarga, galakan suami dan pengaruh pornografi. Manakala faktor tolakan pula adalah bimbang penerimaan keluarga dan perbandingan identiti.

## **1.7 Susunan Bab Kajian**

Kajian ini mengandungi lima bab. Menerusi bab satu, pengkaji telah mengulas

mengenai pendahuluan, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Dalam hal ini, pengkaji telah menerangkan mengenai kepentingan pemahaman terhadap pembangunan identiti lesbian melalui tiga dimensi utama iaitu identiti seksual, keinginan seksual dan tingkah laku seksual. Di samping itu, pengkaji turut menjelaskan mengenai beberapa istilah yang digunakan untuk menggambarkan identiti lesbian seperti homoseksual, *queer*, lesbian, *butch* dan *femme* dan pengkaji telah memutuskan penggunaan istilah lesbian untuk mewakili responden kajian ini dengan merujuk kajian lepas di Malaysia. Tambahan pula, pengkaji juga mengulas risiko dan cabaran yang dihadapi oleh golongan lesbian yang mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal sekaligus menjejaskan kefungsi sosial individu. Dalam konteks ini juga, pengkaji telah menghuraikan mengenai pengaruh sistem sokongan sosial terhadap penglibatan individu dalam aktiviti seksual sejenis. Hubungan kedua-dua pembolehubah ini juga telah membentuk faktor pengantara iaitu faktor tarikan dan faktor tolakan terhadap penglibatan dalam aktiviti seksual tersebut dalam kalangan lesbian.

Seterusnya, dalam bab dua pengkaji telah membincangkan mengenai tinjauan literatur daripada beberapa kajian lepas di Malaysia, kajian di Asia Tenggara dan juga kajian di negara barat. Dengan merujuk kajian lepas yang berkaitan, pengkaji telah mengupas tentang populasi lesbian, faktor penglibatan lesbian dalam aktiviti seksual sejenis, sistem sokongan sosial dan cabaran golongan lesbian serta membentuk kerangka konseptual dan definisi operasional. Pengkaji turut mengutarakan tiga teori iaitu teori pembentukan identiti seksual, teori sistem dan teori pertukaran sosial untuk menjelaskan perkaitan antara pembolehubah dalam kajian ini iaitu hubungan antara penglibatan aktiviti seksual sejenis dengan sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan.

Selanjutnya, metodologi telah dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab tiga yang merangkumi, reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, teknik persampelan, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur menganalisis data, kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan dan etika penyelidikan. Selain itu, dalam bab empat pengkaji telah menghuraikan hasil kajian secara terperinci yang meliputi latar belakang 12 orang responden dan sejarah penglibatan mereka dalam aktiviti seksual sejenis dan ulasan hasil dengan mengikut empat objektif kajian yang telah disasarkan. Data kajian ini juga telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Nvivo for Mac* versi 12 yang telah membentuk hierarki tema kajian.

Akhir sekali, pengkaji telah mengulas secara keseluruhan hasil kajian dengan berpandukan objektif kajian dan disokong oleh beberapa kajian lepas yang berkaitan, perspektif teoritikal dan hasil pemerhatian pengkaji sepanjang proses temu bual bersama responden kajian. Di samping itu, pengkaji turut mencadangkan kerangka model hubungan antara penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian dengan sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan di Malaysia. Malahan, pengkaji telah menjelaskan mengenai implikasi kajian terhadap praktis kerja sosial, pendidikan kerja sosial dan program pemulihan serta juga menghuraikan limitasi kajian, kajian masa hadapan dan kesimpulan kajian.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur amat penting untuk mengkaji apa yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam fokus kajian mereka agar pengkaji lain tidak mencipta tahap yang sama (Awang & Mohamad, 2015). Selain itu, kajian literatur akan menjadi satu asas yang kukuh dalam membina pengetahuan dan kefahaman mengenai kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Ia juga menjadi penanda aras agar pengkaji kekal dalam landasan konteks kajian. Kajian literatur yang baik seharusnya berupaya melakukan kritikan berbentuk akademik kepada bentuk kajian, metodologi, analisis dan sebagainya terhadap kajian-kajian terdahulu (Awang & Mohamad, 2015). Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan tentang kajian-kajian yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya yang berkaitan dengan hubungan antara penglibatan aktiviti seksual sejenis golongan lesbian terhadap sistem sokongan sosial, faktor tarikan dan faktor tolakan khususnya di Malaysia.

#### 2.1 Populasi Lesbian

Istilah homoseksual sering digunakan oleh umum untuk melabelkan individu yang mempunyai keinginan seks atau aktiviti seksual dengan individu sesama jantina (Hughes, 2006). Walau bagaimanapun, majoriti golongan homoseksual menyuarakan ketidakselesaan mereka terhadap gelaran 'homoseksual' kerana kerap digunakan untuk dikaitkan dengan penyakit-penyakit tertentu, seperti HIV/AIDS atau beberapa tingkah laku devian lain (Low, 2009). Dalam mendefinisikan lesbian, Gamache dan Lazear (2009) menyatakan bahawa lesbian adalah seorang wanita yang secara fizikal, emosi dan mentalnya tertarik kepada wanita yang lain. Theophano (2004) menyatakan bahawa lesbian juga merujuk kepada *butch* dan *femme*, iaitu dua istilah yang digunakan sekitar awal abad ke-20 sebagai satu identiti seksual dan emosi

dalam kalangan lesbian itu sendiri. Dalam hal ini, istilah *butch* merujuk kepada wanita yang berkelakuan mengikut cara yang hampir sama dengan imej maskulin (Cooter, 2014). Manakala, *femme* pula merujuk kepada ciri-ciri atau penampilan bersifat keperempuanan (Eves, 2002). Selain itu, Howe (2001) menggunakan istilah 'queer' untuk menggambarkan lesbian kerana ia merangkumi penerangan yang lebih lanjut mengenai gay, lesbian, biseksual, transgender serta individu yang mengamalkan *sadomasochism*. Lantaran itu, kajian ini menggunakan istilah lesbian untuk mewakili responden yang terlibat dengan merujuk etika penyelidikan oleh Martin dan Meezan (2008), kajian sedia ada di Malaysia yang berkaitan iaitu Ahmad et al. (2015) dan cadangan daripada Bradford et al. (1994). Pengkaji juga merumuskan lesbian sebagai wanita yang mempunyai keinginan seksual, identiti lesbian dan tingkah laku seksual terhadap sesama jantina.

Selanjutnya, *Knowledge and Rights with Young People through Safer Space* (KRYSS) (2014) menjelaskan wanita mula mengakui merasai keinginan terhadap sesama jantina semenjak berusia 12 tahun. Malahan, Ahmad et al. (2015) turut melaporkan permulaan penglibatan seks sejenis adalah pada peringkat awal remaja. Begitu juga, kajian Mufioz-Plaza et al. (2002), responden mengakui mereka mula menyedari orientasi seksual berbeza dari norma adalah semasa remaja dan awal dewasa. Kebiasaannya, remaja terikat dengan aktiviti heteroseksual terlebih dahulu dan cuba mengeksploitasi aktiviti seksual sejenis tanpa mengambil kira tahap keinginan seksual tersebut (McCabe et al., 2011). Dalam tempoh tersebut, mereka masih berusaha menentukan kecenderungan identiti seksual mereka dan tingkah laku seksual mulai jelas semasa remaja serta berterusan hingga ke peringkat dewasa (McCabe et al., 2011).